

24 OCT 1998

Nik Aziz-Belanjawan

NIK AZIZ SOKONG BELANJAWAN 1999 DAN SIFATKAN YANG TERBAIK

PASIR MAS, 24 Okt (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini menyokong Belanjawan 1999 yang diumumkan semalam dan menyifatkannya terbaik dan mampu menangani masalah kegawatan ekonomi negara.

Katanya, belanjawan yang telah diumumkan itu sedikit mempunyai persamaan dengan apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kelantan pimpinan Pas, terutama memberikan satu hari Sabtu setiap bulan sebagai hari cuti kepada kakitangan kerajaan.

"Saya sokong dengan pemberian cuti itu yang mana Kelantan telah lama menjadikan setiap hari Sabtu sebagai hari cuti kepada kakitangan kerajaan negeri," katanya kepada pemberita selepas solat hajat membina masjid Al-Barakah di Kampung Bunut Susu di sini.

Belanjawan 1999 itu telah dibentangkan oleh Perdana Menteri, yang juga Menteri Kewangan Pertama, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat, petang semalam.

Nik Aziz yang juga Mursyid Am Pas berkata, seluruh masyarakat di negara ini mesti menggembleng tenaga membantu kerajaan memulihkan ekonomi, dengan tidak mengamalkan kehidupan secara bermewah dan meningkatkan hasil pengeluaran pertanian.

Beliau berkata rakyat mestilah faham mengenai keadaan ekonomi dan kerajaan juga mestilah berhati-hati dalam meluluskan sebarang projek baru.

Katanya, jika seluruh masyarakat terus mengulangi sikap membazir, nescaya Allah akan menurunkan bala yang lebih besar dan membantutkan usaha kerajaan menangani masalah itu.

"Kalau dalam demokrasi pun kata pembaziran itu tak betul apatah lagi dalam Islam dan semua masyarakat kena fahami perkara ini," katanya.

Sebagai contoh katanya, Kelantan tetap mengutamakan fakir miskin dengan memperuntukkan sebanyak RM3.5 juta setahun dalam pemberian subsidi baja dan peruntukan itu juga akan diteruskan pada tahun depan.

Katanya, kerajaan negeri juga telah mengarahkan Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh supaya membatalkan projek membina padang golf kerana ternyata ia tidak akan menguntungkan penduduk di jajahan berkenaan.

Mengenai cukai minuman keras yang dinaikkan sebanyak 20 peratus daripada kadar semasa Nik Aziz berkata, "ianya adalah baik tetapi contohi Kelantan".

Kelantan kini tidak lagi membenarkan premis baru bagi penjualan arak serta menghadkan penjualannya kepada orang ramai sejak Pas memerintah pada tahun 1990.

-- BERNAMA

ZI RI